

03 MAY 1998

Mahathir-jerebu

KERJASAMA JIRAN ELAK JEREBU DARIPADA SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan bekerjasama dengan jiran-jirannya untuk melindungi semua arena Sukan Komanwel ke 16 di negara ini daripada diancam jerebu.

"Kita sedang bekerja keras untuk menentukan jerebu tidak berlaku semasa sukan itu," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan sukarelawan sukan itu di pusat pameran Mines di sini hari ini.

Beliau berkata antara langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani masalah jerebu itu ialah mengadakan pembenihan awan untuk mendatangkan hujan dan membersihkan udara.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan memberi bantuan kepada Indonesia jika kebakaran hutan berlaku di republik itu semasa sukan berkenaan dengan menghantar anggota bomba dan peralatan.

Malaysia akan turut membantu Indonesia menjalankan proses pembenihan awan di kawasan yang berlaku kebakaran.

"Ini bukan satu tugas mudah tetapi kita yakin kita dapat kurangkan tahap jerebu," katanya.

Keadaan berjerebu di beberapa kawasan di rantau ini dikaitkan dengan kegiatan pembakaran terbuka dan kebakaran hutan.

Ketika ditanya mengenai apa yang akan berlaku kepada kemudahan sukan itu selepas temasya itu berlangsung dari 11 hingga 21 Sept ini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menggalakkan penggunaannya secara lebih meluas.

"Lebih banyak pertandingan akan diadakan, begitu juga kejohanan terbuka dan acara yang tidak semestinya bercirikan sukan seperti hiburan dan perjumpaan besar-besaran," katanya.

Pada perjumpaan dengan 5,000 sukarelawan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan membelanjakan RM1 bilion untuk membina stadium dan kompleks sukan bagi Sukan Komanwel.

Mengenai ura-ura kononnya atlit luar negara tidak akan menyertai sukan itu kerana masalah jerebu, Perdana Menteri berkata beliau tidakpun mendengar apa-apa mengenai perkara itu.

"Ini sekadar khabar angin yang kita sering dengar," katanya.

-- BERNAMA

ARA HS MAI